

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR  
[POKOK SENA]**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [ POKOK SENA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapa pemilihan kontraktor projek Janawibawa tidak dirujuk kepada agensi teknikal seperti JKR dan JPS.

**JAWAPAN**

1. Untuk makluman Tuan Yang Di Pertua, Kerajaan memutuskan untuk mewujudkan program strategik yang dikenali sebagai Projek Di Bawah Program Jana Ekonomi Pemerkasaan Kontraktor Bumiputera Berwibawa (JanaWibawa) bagi mempercepatkan pelaksanaan projek untuk merancakkan ekonomi negara semasa dan pasca pandemic Covid-19. Program ini juga berhasrat untuk meningkatkan kapasiti kontraktor Bumiputera dalam industri pembinaan supaya lebih berdaya saing, berdaya tahan dan berpotensi.
2. Berikutan itu, Kerajaan telah memudahkan kaedah pelaksanaan projek JanaWibawa iaitu secara tender pra-kelayakan atau rundingan terus supaya impak pelaksanaan segera dapat dirasai oleh ekonomi dan Rakyat. Walau bagaimanapun, pelaksanaan itu masih mematuhi Pekeliling Perbendaharaan PP/PK7.15: Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus dan terma rujukan khusus JanaWibawa. Melalui Garis Panduan ini, semua perolehan yang dilaksanakan secara rundingan terus hendaklah dinilai terlebih dahulu bagi memastikan hanya syarikat yang benar-benar berkeupayaan dari segi kewangan dan teknikal dipertimbangkan.
3. Satu Jawatankuasa Penilaian khusus telah diwujudkan di peringkat Kementerian Kewangan untuk membuat saringan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan ke atas kontraktor yang dinamakan. Ahli Jawatankuasa tersebut terdiri daripada wakil Jabatan Teknikal iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan juga wakil daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).
4. Semua kontraktor akan dinilai dan diteliti secara menyeluruh daripada pelbagai aspek bagi memastikan pemilihan kontraktor yang berwibawa untuk melaksanakan projek tersebut dan tetap melindungi kepentingan Kerajaan serta tidak menjelaskan kerancakan perkembangan ekonomi. Kerajaan juga melaksanakan *due diligence* yang sewajarnya bagi memastikan hanya kontraktor yang benar-benar memenuhi kriteria yang ditetapkan boleh dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.